

# Semua faktor diambil kira sebelum lantik Zahid - Anwar

UM - 6/12/2022 ml: 3

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM dan MOHD. HUSNI MOHD. NOOR  
utusannews@mediamulia.com.my

**PUTRAJAYA:** Semua faktor sudah diambil kira sebelum melantik Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi sebagai Timbalan Perdana Menteri.


Menjelaskan perkara itu, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, Ahmad Zahid sudah didakwa di mahkamah tetapi belum dijatuhkan hukuman, justeru, semua pihak perlu hormati proses itu.

“Itu hak mereka untuk pertikaikan (pelantikan Ahmad Zahid) tetapi alasan yang mempertikai itu siapa dan alasan apa.

“Dia (Ahmad Zahid) ialah ketbetulannya Presiden UMNO dan Pengerusi Barisan Nasional (BN) dan dalam Kerajaan Perpaduan ini saya akan ambil kira semua faktor itu,” katanya dalam sidang akhbar di sini semalam.

Anwar berkata, beliau secara konsisten sudah menyuarakan perkara berkaitan rasuah ini sejak bertahun-tahun bahawa orang yang memperjuangkan soal rasuah seharusnya bersih dari perbuatan itu.

Sebelum ini, beberapa pihak termasuk pimpinan Perikatan Nasional (PN) mempertikai pelantikan Ahmad Zahid sebagai Timbalan Perdana Menteri berikutan terpalit dengan kes pendakwaan di mahkamah.



**ANWAR Ibrahim bersalaman dengan Ahmad Zahid Hamidi sebelum mempengerusikan mesyuarat Kabinet yang pertama di Pejabat Perdana Menteri, Putrajaya, semalam. -PEJABAT PERDANA MENTERI**

Pada masa ini, Ahmad Zahid dalam peringkat membela diri terhadap dakwaan kes rasuah membabitkan dana Yayasan Akalbudi berjumlah RM17.9 juta.

September lalu, Timbalan Perdana Menteri itu dilepas dan dibebaskan daripada 40 pertuduhan rasuah yang dihadapinya berhubung Sistem Visa Luar Negara (VLN).

Dalam pada itu, Anwar turut menafikan mengeluarkan arahan supaya menyasiat lanjut

dakwaan perbelanjaan RM600 bilion tanpa tender dibuat kerajaan terdahulu dan menyerahkan kepada pihak berkuasa untuk menyasiat lebih lanjut.

“Cuma setakat yang saya tahu dan diberi maklumat oleh pegawai, terdapat pelanggaran agak serius kerana ia melibatkan perolehan yang terlalu banyak,” katanya.

Anwar berkata, beliau juga tidak pernah mengeluarkan arahan kepada Ketua Polis Negara,

Tan Sri Acryl Sani untuk menyasiat pihak yang memainkan sentimen agama dan perkauman.

“Ini adalah ketetapan dalam Perlembagaan dan kenyataan tegas oleh Raja-Raja Melayu yang membuat kenyataan berhubung kewaspadaan terhadap sentimen perkauman dan pelampau agama,” katanya.

Jelasnya, arahan Raja-Raja Melayu itu tidak boleh disamakan terhadap kritikan Perdana Menteri dan kerajaan.